



ROSLAN bergambar kenangan bersama peserta yang mengikuti Program Eko-Bakau 1M4U Negaraku di Jeti Kuala Merlimau.



ROSLAN bersama Ella dan Ashari selepas menanam pokok bakau.

# Orang ramai perlu ada kesedaran tanam paya bakau

Oleh MUHAMMAD ZAIDEE DAUT

MERLIMAU 4 Mac – Orang ramai perlu punya kesedaran dalam memelihara hutan paya bakau di negeri ini kerana ia punya kepentingan dalam kehidupan manusia dan hidupan liar yang mendiami hutan bakau.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau, Datuk Roslan Ahmad berkata, perlindungan terhadap ekosistem hutan bakau penting ker-

ana manusia bergantung kepada produk hutan bakau dan sumber perikanan.

Menurutnya, ia juga menyumbang kepada perlindungan pantai dari haksiran ombak dan melindungi persekitaran dari perubahan cuaca yang melampau.

“Hutan bakau penting kerana ia dapat melindungi persekitaran pantai dari ombak dan angin menyebabkan haksiran pantai yang menjadi isu utama pantai di negara

ini.

“Oleh itu, orang ramai haruslah punya kesedaran dan rasa tanggungjawab dalam memelihara hutan paya bakau ini kerana secara tidak langsung dapat memastikan ia tidak terus pupus ditelan arus pembangunan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Eko-Bakau 1M4U Negaraku anjuran bersama Bahagian Penjenamaan, Pejabat Perdana Menteri, Pejabat Daerah dan Ta-

nah Jasin, Politeknik Merlimau Melaka (PMM) dan 1M4U di Jeti Nelayan Kuala Merlimau dekat sini, hari ini.

Majlis turut dihadiri Timbalan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri, Norliza Mohd; wakil Pegawai Daerah Jasin, Norashikin Muhamad Rasidi dan Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) PMM, Mohamad Nazri Ismail.

Majlis yang mendapat kerjasama Pejabat Perhutanan Melaka, Per-

satuan Nelayan dan JKKK Kampung Merlimau Pantai itu turut diserikan dengan kehadiran dua selebriti terkenal, Ella dan Johan Ashari.

Pada program itu, Roslan bersama peserta telah bergotong-royong menanam 100 batang pokok benih paya bakau bagi melestarikan kehidupan dan ekosistem pokok paya bakau di kawasan Jeti Kuala Merlimau.

Terdahulu, semua peserta telah menyertai program senamrolik dan

sarapan bersama komuniti Kampung Kuala Merlimau di samping mengikuti taklimat mengenai kelebihan dan kepentingan hutan paya bakau yang disampaikan oleh Pegawai Jabatan Perhutanan Negeri, Baharuddin Salleh.

Peserta turut ikuti demonstrasi membaki dan pukat dan perahu nelayan serta berpeluang mengenali jenis-jenis peralatan dan pukat untuk hasil tangkapan daripada Ketua Nelayan Jeti Kuala Merlimau, Ahmad Said.